

Headline	Mosti cadang Frim tubuh bahagian khas penyelidikan Akasia		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	13 Nov 2015	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	A3	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	402 cm ²
Journalist	SURAI DAH ROSLAN	AdValue	RM 1,413
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,239



Mosti cadang Frim tubuh bahagian khas penyelidikan Akasia

Oleh SURAI DAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim) disaran menyediakan bahagian penyelidikan pokok akasia ke arah memastikan penanaman pokok itu yang kini mencecah 300,000 hektar di Sabah dan Sarawak terus berkembang tanpa menghadapi sebarang ancaman penyakit.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, Frim diharapkan menyediakan satu bahagian untuk menjalankan penyelidikan tentang Akasia Mangium iaitu daripada proses penanaman hingga kepada proses hiliran.

Jika dilihat di Sabah katanya, terdapat 63,980 hektar kawasan yang ditanam dengan akasia dan selebihnya lebih 230,000 adalah di Sarawak.

Beliau berkata, dengan adanya bahagian penyelidikan akasia itu, sekiranya ada masalah berkaitan penanaman pokok berkenaan, kajian secara konsisten dapat dilakukan.

"Banyak perkara yang perlu dilakukan... kita perlu melakukan ujian genetik, tisu dan lain-lain perkara berkaitan bagi memastikan pokok akasia kuat dalam berhadapan pelbagai jenis penyakit.

"Saya sangat ambil berat tentang perkara ini kerana semasa saya menjadi pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dahulu, saya juga berdepan masalah untuk menangani pelbagai jenis penyakit," katanya ketika berucap sempena Majlis Perasmian Seminar 'Technology transfer development of truck flooring boards from plantation grown Acacia in Sabah', di sini



MADIUS (duduk) menandatangani risalah SOP mengenai projek pembangunan 'commercial truck flooring boards' berasaskan akasia, turut kelihatan Tan (dua kanan), Timbalan Ketua Pengarah Frim Dr Rahim Sudin (kiri) serta jawatankuasa STIB yang

kelmarin.

Katanya, cadangan pernah dikemukakan kepada MTIB dahulu namun, agensi berkenaan hanya bertindak sebagai badan yang mempromosikan industri perakyuan.

Dalam pada itu, Madius berkata memandangkan sebelum ini Mosti dikenali sebagai kementerian yang menyediakan dana, kini beliau mahu kementerian berkenaan dikenali sebagai kementerian yang mempromosikan teknologi.

Beliau ingin melihat teknologi digunakan untuk menjana pendapatan. Oleh itu, penyelidikan berkaitan diperlukan untuk memastikan penggunaan teknologi itu dimanfaatkan sepenuhnya.

Katanya, berdasarkan

pemerhatiannya, terdapat banyak penyelidikan yang dilihat bersifat 'syok' sendiri.

"Oleh itu, dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan selepas ini memberi manfaat kepada perkembangan industri, Mosti akan melakukan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama Frim untuk membangunkan industri," katanya.

Katanya, untuk memastikan Mosti tidak melaksanakan kerja secara syok sendiri, beliau akan bekerjasama dengan kementerian serta agensi lain yang berkaitan.

Dalam majlis itu, Madius turut menandatangani risalah Standard Operating Procedure berkaitan penanaman akasia di negeri ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Industri Kayu Sabah

(STIB) Datuk James Hwong berkata, kajian dan penyelidikan bagi projek membangunkan 'commercial truck flooring boards' berasaskan akasia itu berjaya disiapkan pada September lalu.

"Projek yang dimulakan pada September 2013 itu melibatkan kos sejumlah RM650,000 dan geran RM500,000 yang disumbangkan oleh Mosti di bawah Community Innofund (CIF)," katanya dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh Bendahari Kehormat STIA Tan Peng Juan.

Sebagai agensi yang mengetuai penyelidikan itu, beliau melihat pelaksanaan penyelidikan itu amat tepat kerana industri akasia berdepan pelbagai cabaran terutama dalam menghasilkan akasia yang berkualiti.